


|            |                         |             |                    |
|------------|-------------------------|-------------|--------------------|
| Headline   | 99 Spesies Buah di Frim |             |                    |
| MediaTitle | Sinar Harian            |             |                    |
| Date       | 12 Mar 2014             | Color       | Full Color         |
| Section    | Nasional                | Circulation | 160,000            |
| Page No    | 38                      | Readership  | 509,000            |
| Language   | Malay                   | ArticleSize | 85 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                     | AdValue     | RM 1,080           |
| Frequency  | Daily                   | PR Value    | RM 3,240           |





### 99 Spesies Buah di Frim

**Pengarang: Zawiah Ngah & H. Othaman**  
**Muka surat: 256 Harga: RM120**

MAKLUMAT dalam buku *99 Spesies Buah di Frim* menonjolkan pelbagai jenis buah yang terdapat di kampus Frim dan stesen penyelidikan Frim. Pokok buah-buahan yang terdapat di Frim ada yang tumbuh liar dan ada juga yang ditanam sebagai hiasan pejabat atau di Aboretum Buah-Buahan serta di halaman rumah.

Antaranya buah keras, kerdas, keledang bangkung, jentik bukit, tampoi berunai, rambai tiung, keranji, kerkup kecil, dan mundu.

Pokok buah-buahan ini mempunyai pelbagai fungsi dan khasiat. Penanaman spesies ini di Frim sekurang-kurangnya dapat memastikan pokok ini akan terus diwarisi. Buku ini sesuai dijadikan rujukan umum untuk menambah ilmu.

Penulis buku, Zawiah Ngah, Pembantu Penyelidik Frim dan suaminya, Othaman Hasin, pemandu di Frim berjaya meraih Anugerah Industri Buku (Kategori Sains) pada Disember tahun lalu.

Hasil penulisan ini atas galakan Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod serta bantuan beberapa pegawai penyelidik Frim termasuk dua orang ahli botani.